

**Orientasi Keusahawanan sebagai Pembolehubah Perantara antara Modal  
Insan dan Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)**  
(*Entrepreneurial Orientation as a Mediating Variable between Human Capital dan Small dan  
Medium Enterprise (SME) Performance*)

Sajiah Yakob

(Jabatan Perakaunan, Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul  
Halim Mu'adzam Shah)

Muhamad-Baqir Abdullah

(Jabatan Perniagaan, Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, Universiti Islam  
Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah)

Farahiza Zaihan Azizan

(Jabatan Perkomputeran, Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, Universiti Islam  
Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah)

Roslida Zalila Ahmad Rusli

Suraiya Shafiee@Ismail

Khairunisak Ahmad Shakir

(Jabatan Perakaunan, Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, Universiti Islam  
Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah)

Azahari Ramli

(Sekolah Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia)

**ABSTRACT**

*Small and Medium Enterprises are seen as firms that contribute to the national economy and are even the dominant type of enterprise in Malaysia. However, human capital and entrepreneurial orientation are often linked to SME performance issues. Specifically, this study aims to determine the effect of entrepreneurial orientation as a mediator on the relationship between human capital and SME performance. Research data was obtained from 200 questionnaires and analysed using regression analysis. The results of the study found that entrepreneurial orientation acts as a mediator in the relationship between human capital and firm performance. Therefore, SME entrepreneurs need to be given appropriate guidance to improve their entrepreneurial orientation. Through appropriate and effective training from the parties involved, SMEs can provide innovative, creative and proactive human capital in the face of business competition. The parties involved need to work together to provide effective training for that purpose.*

*Keywords: Human capital; performance; small dan medium enterprises; entrepreneur orientation*

**ABSTRAK**

*Perusahaan Kecil dan Sederhana dilihat sebagai firma yang menyumbang kepada ekonomi negara, malah merupakan jenis perusahaan yang dominan di Malaysia. Walau bagaimanapun, modal insan dan orientasi keusahawanan sering kali dikaitkan dengan isu prestasi PKS. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan orientasi keusahawanan sebagai perantara terhadap hubungan antara modal insan dan prestasi PKS. Data kajian diperolehi daripada 200 soal selidik dan dianalisis menggunakan analisis regresi. Hasil kajian mendapati bahawa orientasi keusahawanan bertindak sebagai perantara dalam hubungan antara modal insan dan prestasi firma. Maka, usahawan PKS perlu diberikan bimbingan yang sewajarnya untuk meningkatkan orientasi keusahawanan. Melalui latihan yang sesuai dan berkesan dari pihak-pihak terbabit, PKS mampu menyediakan modal insan yang berinovatif, kreatif dan proaktif dalam menghadapi persaingan perniagaan. Pihak yang terbabit perlu bekerjasama untuk menyediakan latihan yang berkesan bagi tujuan tersebut.*

*Kata kunci: Modal insan; prestasi; perusahaan kecil dan sederhana; orientasi keusahawanan*

Received 21 July 2022; Accepted 12 August 2023

**PENGENALAN**

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mewakili majoriti daripada perusahaan di dunia. Statistik menunjukkan bahawa lebih daripada 90% perusahaan di dunia adalah PKS, dengan itu sumbangan PKS kepada pembangunan

ekonomi negara adalah sangat signifikan. Menjelang tahun 2030, dianggarkan 600 juta pekerjaan diperlukan untuk menyerap tenaga kerja global yang akan meningkat. Maka dengan itu, kebanyakan negara-negara di dunia menjadikan pembangunan PKS adalah agenda utama dalam pembangunan perancangan strategik masing-masing (SMECorp 2019b). Sumbangan PKS kepada pembangunan ekonomi negara boleh dikategorikan kepada tiga kategori iaitu sumbangan kepada Keluaran Negara Kasar (KDNK), sumbangan dalam menawarkan peluang pekerjaan serta sumbangan kepada nilai eksport negara. Oleh itu, pelbagai program serta bantuan disalurkan oleh pihak berkaitan untuk memastikan firma PKS sentiasa berdaya saing dan bertahan dalam pasaran. Bantuan-bantuan yang diberikan ini juga untuk memastikan prestasi PKS bertambah baik dari masa ke semasa. Di Malaysia, PKS merupakan tulang belakang pembangunan ekonomi negara dan firma ini mewakili 97.2% dari keseluruhan organisasi pada tahun 2020 (The Star 2021). Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, jumlah PKS di Malaysia pada Disember 2020 adalah 1,151.339 juta. Sumbangan PKS Malaysia kepada KDNK negara adalah sebanyak 38.2% pada tahun 2020. Sumbangan kepada nilai eksport pula adalah sebanyak 13.5% manakala sumbangan kepada peluang pekerjaan adalah sebanyak 48%. Melihat kepada angka-angka sumbangan ini, tidak hairanlah PKS menjadi firma yang selalu diberikan perhatian khusus oleh pihak kerajaan, swasta dan juga menjadi fokus dalam kajian-kajian akademik.

Topik yang sering diberi perhatian adalah berkaitan prestasi PKS. Ini kerana prestasi PKS didapati masih belum berada pada tahap yang memberangsangkan. Data berkenaan prestasi PKS secara global agak sukar untuk diperolehi memandangkan bukan semua negara menjalankan penilaian terhadap prestasi PKS serta mengemas kini data masing-masing ke data umum. Secara keseluruhannya, masih terdapat negara-negara di dunia yang belum mencapai sasaran prestasi yang memberangsangkan (SMECorp 2019a). Ahmad dan Abdul Ghani (2013) berpendapat prestasi PKS yang kukuh akan membolehkan PKS meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara melalui penciptaan pekerjaan, kekayaan serta mewujudkan sumber-sumber. Namun, berdasarkan pandangan Neneh dan Van Zyl (2012), PKS dikenali dengan firma yang tidak boleh bertahan lama serta berdepan dengan kadar kegagalan yang tinggi serta tahap prestasi yang lemah.

Laporan prestasi PKS di Malaysia yang dikeluarkan oleh SMECorp (2019a), menyatakan prestasi PKS berkembang pada kadar yang sederhana. Perbandingan sumbangan kepada KDNK dan tenaga kerja PKS di Malaysia berbanding dengan beberapa negara di dunia seperti Indonesia, Vietnam, Thailand dan Singapura, sumbangan PKS Malaysia masih lagi rendah. Dengan itu pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan, swasta mahupun organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan perlu mencari dan mengetahui faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi PKS dalam usaha untuk memastikan PKS bertahan dalam pasaran yang sangat mencabar. Oleh yang demikian, kajian perlu dijalankan untuk mencari faktor-faktor penentu dalam meningkatkan prestasi PKS supaya usaha-usaha ke arah mengukuhkan prestasi PKS tidak menjadi sia-sia. Kajian ini berpendapat faktor yang mampu untuk meningkatkan prestasi PKS adalah faktor modal insan. Atribut modal insan seperti pendidikan, pengalaman serta kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh usahawan dapat membantu usahawan untuk menjalankan perniagaan dan seterusnya akan dapat meningkatkan prestasi perniagaan masing-masing. Ramli, Yusuff dan Mohtar (2015) menyatakan setiap manusia mempunyai modal insan masing-masing, maka tahap nilai seseorang sangat bergantung kepada modal insan yang dimiliki oleh mereka. Modal insan juga satu faktor yang mempunyai keunikannya tersendiri kerana aset-aset firma seperti mesin atau teknologi tidak akan dapat berfungsi dengan baik sekiranya tiada penglibatan modal insan dalam melaksanakannya.

Kajian-kajian lepas mendapati faktor modal insan mempunyai hubungan dengan prestasi PKS. Kajian yang dijalankan di Indonesia mendapati wujud hubungan yang signifikan antara modal insan dan prestasi perniagaan (Suroso & Anggraeni 2017). Berdasarkan Qamariah dan Muchtar (2019), modal insan memberi kesan kepada kelebihan daya saing dan seterusnya akan meningkatkan prestasi perniagaan. Tambahan lagi kajian yang dijalankan oleh Muda dan Rahman (2015) juga menyatakan modal insan memberi impak kepada prestasi sebuah firma. Selain itu, Ismail et al. (2014) pula berpendapat modal insan merupakan satu sumber tidak nyata yang akan mempengaruhi prestasi sebuah firma. Walau bagaimanapun, kajian ini bagi menerangkan hubungan antara modal insan dan prestasi PKS dengan lebih baik, maka satu pembolehubah perantara perlu diletakkan antara keduanya. Ayob et al. (2016) berpendapat selain mempunyai ciri-ciri modal insan, usahawan perlu mempunyai ciri orientasi keusahawanan seperti kreatif untuk meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Dengan itu, kajian ini akan menggunakan syarat Baron dan Kenny (1986) dalam perletakan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara. Baron dan Kenny (1986) menyatakan sekiranya satu pembolehubah bebas mempunyai hubungan dengan satu pembolehubah lain dan pembolehubah lain itu mempunyai hubungan dengan pembolehubah bersandar kajian, maka pembolehubah tersebut boleh dijadikan sebagai pembolehubah perantara. Berdasarkan pendapat ini, modal insan perlu mempunyai hubungan dengan orientasi keusahawanan dan orientasi keusahawanan perlu mempunyai hubungan dengan prestasi.

Iqbal et al. (2023) mendapati modal insan merupakan faktor penentu kepada orientasi keusahawanan. Selain itu, kajian oleh Mthanti dan Ojah (2018) juga menyatakan modal insan mempunyai hubungan dengan orientasi keusahawanan dalam kajian yang dijalankan ke atas PKS di beberapa negara di dunia. Mohammad et al. (2013) dan Margaret (2008) juga menunjukkan modal insan memberi kesan terhadap orientasi keusahawanan.

Tinjauan literatur juga mendapati orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai faktor penyumbang kepada peningkatan prestasi PKS. Ini dapat dilihat dalam kajian Iqbal et al. (2023) dan Isichei et al. (2020) yang mendapati orientasi keusahawanan bertindak sebagai faktor yang menyumbang kepada prestasi PKS. Manakala Meekaewkunchorn et al. (2021) pula, berpendapat orientasi keusahawanan dapat membantu PKS di Thailand untuk menambah baik prestasi perniagaan mereka. Selain itu, kajian yang dijalankan ke atas PKS dalam sektor pembuatan di Pakistan mendapati orientasi keusahawanan merupakan faktor penting dalam peningkatan prestasi (Shah & Ahmad 2019). Dapatan ini selari dengan pendapat, Zhussupova et al. (2019) yang menyatakan ciri-ciri orientasi keusahawanan yang ada dalam firma PKS berjaya menjadikan PKS lebih berjaya. Kajian di Indonesia yang dijalankan oleh Pangeran (2016) juga menunjukkan atribut orientasi keusahawanan mewujudkan impak yang signifikan terhadap prestasi PKS.

Dengan itu, berdasarkan perbincangan di atas orientasi keusahawanan telah memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Baron dan Kenny (1986) untuk meletakkan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara. Maka, objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara antara hubungan modal insan dan prestasi PKS.

## SOROTAN KARYA

### LATAR BELAKANG TEORI

Kajian mengguna pakai *Resource Based View* (RBV) sebagai teori yang menunjangi kajian ini. Peteraf dan Bergen (2003) menyatakan pandangan utama dalam perspektif RBV adalah, firma bersaing menggunakan sumber-sumber serta kemampuan yang ada pada firma. Khotimah (2017), pula berpendapat RBV melihat firma sebagai kumpulan sumber-sumber serta kemampuan yang dimiliki oleh firma. Dengan itu, RBV merupakan satu teori yang fokus untuk memastikan sumber-sumber dalaman firma tidak boleh dimiliki ataupun dibangunkan dengan cara yang sama oleh pesaing. Perbezaan sumber dan kemampuan firma dengan firma pesaing akan memberikan keuntungan kompetitif bagi firma. RBV menyatakan sumber dalaman firma adalah satu dasar kepada penghasilan prestasi firma (Wernerfeldt 1984; Priem & Butler 2001). Sumber dalaman firma boleh wujud dalam bentuk aset, keupayaan, maklumat dan sebagainya, dan sumber dalaman ini merupakan hak milik firma tersebut (Barney 1991; Wernerfeldt 1984).

Barney (1991) telah mengemukakan bahawa organisasi memiliki tiga jenis sumber yang utama dan salah satunya ialah modal insan. Dari perspektif RBV, modal insan boleh dilihat sebagai sumber yang bernilai, jarang, tidak boleh ditiru dan tiada pengganti (Barney 1991). Maka dengan itu, modal insan memenuhi kriteria sebagai sumber yang mana boleh meningkatkan prestasi (Rauch et al. 2009). Selain modal insan, orientasi keusahawanan juga merupakan sumber dan keupayaan yang boleh mewujudkan kelebihan daya saing kepada firma dan seterusnya menghasilkan peningkatan kepada prestasi (Mahmood & Hanafi 2013). Lennick-Hall (1992) menyatakan orientasi keusahawanan merupakan kumpulan sumber-sumber yang akan membentuk kemampuan dalaman sebuah firma. Manakala, Runyan et al. (2006) pula menyatakan dalam konteks perniagaan kecil, orientasi keusahawanan merupakan satu kemahiran pengurusan. Maka dengan itu, orientasi keusahawanan dan modal insan merupakan aset tidak ketara yang unik yang membawa kepada kelebihan daya saing. Maka pemilihan teori RBV sebagai teori yang menunjangi kajian ini adalah sangat bersesuaian. Kajian literatur juga mendapati beberapa kajian lepas telah menggunakan RBV dalam kajian-kajian berkaitan modal insan, orientasi keusahawanan dan prestasi PKS. Antara kajian yang menggunakan teori RBV adalah kajian oleh, Slakovik dan Aleksic (2020); Sidek et al. (2019); Fatoki (2014); serta Rosli dan Norshafizah (2013).

### PRESTASI

Lusthaus dan Adrien (1998) berpendapat prestasi organisasi berdasarkan akal dan tanggapan bahawa organisasi memerlukan kaedah untuk mengenalpasti tujuan organisasi dan menilai bagaimana organisasi mencapai tujuan tersebut serta organisasi perlu membuat untung untuk meneruskan operasi perniagaan. Manakala, Likert (1958) menyatakan bermula tahun 1940-an, konsep yang lebih generik dan abstrak muncul dalam wacana prestasi organisasi. Konsep seperti keberkesanan, kecekapan dan moral pekerja menjadi topik dalam literatur pengurusan dan pada tahun 1960-an, konsep tersebut telah menjadi komponen utama dalam mentakrifkan prestasi. Oleh itu pengurus memahami bahawa prestasi organisasi dilihat dari perspektif sama ada organisasi mencapai matlamat organisasi (keberkesanan) dan menggunakan sumber-sumber dengan sebaik mungkin dalam mencapai matlamat tersebut (kecekapan). PKS perlu mengekalkan prestasi firma masing-masing untuk sentiasa kekal berdaya saing dalam pasaran perniagaan (Efrat et al. 2018). Oleh itu prestasi perniagaan yang kukuh merupakan objektif utama kepada setiap perniagaan (Ahmad & Abdul Ghani 2013). Menurut Mahmudova dan Kovacs (2018), secara amnya prestasi perniagaan adalah pencapaian utama yang spesifik dalam satu bidang atau aktiviti. Prestasi juga merupakan satu idea bagaimana seseorang atau kumpulan orang mencapai satu kesimpulan akhir untuk mencapai satu matlamat. Selain itu, merujuk kepada Yucesoy dan Barabasi (2016), prestasi mewakili keseluruhan

pencapaian yang boleh diukur secara objektif dalam domain aktiviti tertentu. Berdasarkan kajian-kajian lepas dua bentuk pengukuran telah digunakan iaitu pengukuran bentuk kewangan dan bukan kewangan. Selain itu, prestasi juga boleh ditakrifkan dalam bentuk subjektif dan objektif. Dalam konteks PKS pula, beberapa pengkaji lepas telah menggunakan kedua-dua kaedah tersebut (Mahmood & Hanafi 2013; Kamyabi & Devi 2011; Segal et al. 2010; Soriano & Castrogiovanni 2012; Sehat & Fooman 2014; Nimalathasan 2012; dan Azizi 2009). Kajian ini menggunakan pengukuran berbentuk kewangan melalui persepsi secara subjektif.

#### MODAL INSAN DAN PRESTASI PKS

Menurut Singh dan Nayak (2016), modal insan adalah pengetahuan, kemahiran serta sumber lain yang diperoleh oleh manusia, dan bagaimana ianya diperoleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Pendapat lain pula menyatakan apabila individu dalam sebuah organisasi memperoleh banyak pengetahuan, organisasi tersebut telah memperkayakan nilai modal insan, modal intelek serta mengukuhkan nilai pasaran (Vidotto et al. 2017). F-Jardon dan Susana Martos (2009) pula menyatakan bahawa modal insan yang ada pada seorang usahawan boleh menghasilkan keupayaan daya saing serta mencipta nilai firma itu sendiri. Conley (2012) menyatakan modal insan adalah gabungan keupayaan semula jadi, persekolahan, kualiti sekolah, pelaburan bukan sekolah, latihan serta pengaruh pasaran pra-buruh. Manakala, Fayoumi (2010) berpendapat modal insan berfungsi untuk meningkatkan kualiti serta memberikan kelebihan daya saing kepada organisasi. Goldin (2014) pula mentakrifkan modal insan sebagai kemahiran yang dimiliki oleh tenaga kerja dan dianggap sebagai sumber dan aset kepada organisasi. Selain itu, modal insan juga boleh dikategorikan sebagai aset utama dalam sebuah organisasi, seperti pengetahuan, kemahiran, pengalaman, kompetensi, sikap, komitmen serta ciri-ciri individu yang lain dan ciri-ciri ini merupakan aset tidak nyata yang akan menghasilkan keuntungan dan produktiviti kepada firma (Han et al. 2008). Terdapat pelbagai manfaat yang dapat diperoleh melalui pembangunan modal insan yang dilakukan oleh firma. Unger et al. (2011) menyatakan pelaburan modal insan yang dilaksanakan oleh firma sangat berkait dengan kejayaan firma. Ganewatta dan Rathnayake (2011) yakin bahawa faktor utama untuk meningkatkan prestasi perniagaan adalah dengan membuat pelaburan ke atas modal insan. Alexdanru dan Maria (2012) mentakrifkan modal insan sebagai pengetahuan, keupayaan, kemahiran, kesihatan, inovasi negara (termasuk saham, bagasi dan kekayaan), budaya, kerohanian dan kemanusiaan. Ia juga termasuk penyelidikan, pendidikan dan perbelanjaan kesihatan sebagai faktor yang menyumbang kepada modal insan, yang seterusnya membawa kepada kemajuan teknikal dan inovasi. Hilmi et al. (2010) berpendapat firma boleh memanfaatkan modal insan bagi tujuan pembangunan firma. Manakala, Rauch dan Frese (2000) berpendapat atribut modal insan seperti pendidikan, pengalaman, kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh usahawan adalah sumber utama yang perlu ada dalam sebuah perniagaan dan sumber modal insan akan memberi kesan kepada prestasi firma (Ganewatta & Rathnayake 2011).

In dan Doucouliagos (1997) pula berpendapat modal insan adalah sebagai satu sumber yang bukan sahaja untuk memotivasikan dan meningkatkan komitmen usahawan, malah ianya adalah untuk mencipta perbelanjaan dalam penyelidikan dan pembangunan, seterusnya akan membuka jalan bagi penemuan ilmu baharu untuk ekonomi dan masyarakat amnya (Rafiki et al. 2014). Selain itu, modal insan juga merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara mahupun firma kerana ianya membawa kepada kelebihan daya saing dalam pasaran global. Maka, modal insan dilihat sebagai penyumbang utama kepada kejayaan. Bal dan Kunday (2014) menyatakan modal insan dapat mempengaruhi output firma dalam konteks pengantarabangsaan. Tambahan lagi, Ngah (2009) mendapati PKS sangat bergantung kepada pembangunan modal insan kerana ianya memberi kesan terhadap produktiviti PKS. Selain itu, faedah-faedah modal insan yang boleh diperoleh oleh PKS adalah mempromosikan lebih banyak interaksi, mewujudkan persekitaran yang mesra serta menggalakkan kreativiti dan kerjasama.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan modal insan mempunyai hubungan dengan prestasi PKS. Kajian yang dijalankan di Daerah Banyumas, Jawa Tengah, Indonesia telah menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara modal insan dan prestasi PKS. PKS dalam kajian ini merupakan PKS yang telah beroperasi selama lima tahun (Suroso & Anggraeni 2017). Selain itu, Qamariah dan Muchtar (2019) mendapati modal insan memberi kesan kepada kelebihan daya saing dan seterusnya akan meningkatkan prestasi PKS wanita di Medan, Indonesia. Manakala, kajian oleh Muda dan Rahman (2015) juga menunjukkan modal insan memberi kesan kepada prestasi firma. Ismail et al. (2014) pula berpendapat modal insan merupakan satu sumber tidak nyata yang mempengaruhi prestasi sebuah firma. Kajian oleh Al-Sharafat (2017) ke atas 119 firma penternakan ayam menunjukkan modal insan mempunyai hubungan dengan prestasi kewangan perniagaan. Selain itu, terdapat kajian-kajian lain seperti telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara modal insan dan prestasi PKS (Mubarik 2015; Widarni 2015; Fatoki 2011; Jin, Huixin & Ruizhan 2010; Oforegbunam & Okorafor 2010; Soriano & Castrogiovanni 2012; Segal et al. 2010; Ganewatta & Rathnayake (2011); Hilmi et al. 2010 dan Chen & Chang 2013). Dengan itu, hipotesis pertama kajian adalah:

H<sub>1</sub> Modal Insan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan prestasi PKS.

## MODAL INSAN DAN ORIENTASI KEUSAHAWANAN

Kajian di Daerah Gresik, Jawa Timur mendapati modal insan mempunyai hubungan dengan orientasi keusahawanan (Iqbal et al. 2023). Selain itu satu kajian di Iran mendapati dan mengesahkan bahawa modal insan dapat membentuk ciri-ciri orientasi keusahawanan dalam sebuah firma (Tajpour & Hosseini 2019). Tambahan lagi, Minthahi dan Ojah (2018), telah mendapati bahawa terdapat kewujudan hubungan antara ciri-ciri keusahawanan Schumpeterian di peringkat makro dengan melibatkan hubungan antara modal insan dengan orientasi keusahawanan. Peningkatan intensiti modal insan dapat meningkatkan kehadiran lebih ramai pekerja mahir dan usahawan yang berpengetahuan dalam bidang berkaitan dan menjadi pemangkin dalam meningkatkan daya saing di peringkat global. Perniagaan menjadi berdaya tahan untuk menghadapi segala cabaran ekonomi semasa. Penemuan kajian yang menunjukkan bentuk hubungkait juga disokong dari beberapa kajian lepas seperti Mohammad et al. (2013) dan Hitt et al. (2001). Oleh itu, hipotesis kedua kajian adalah:

H<sub>2</sub> Modal Insan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan orientasi keusahawanan.

## ORIENTASI KEUSAHAWANAN DAN PRESTASI PKS

Pembolehubah seterusnya dalam kajian ini adalah orientasi keusahawanan. Fakhrul Anwar dan Selvamalar (2011) berpendapat organisasi yang mempunyai ciri-ciri orientasi keusahawanan adalah organisasi yang terlibat dalam teknologi inovasi, pengambilan risiko dan juga proaktif. Manakala, Vij dan Bedi (2012) menyatakan orientasi keusahawanan merupakan satu strategi firma yang dilihat kepada sejauh mana firma berinovasi, mengambil risiko, bersaing secara agresif dan bertindak secara autonomi dan proaktif. Selain itu, Davis et al. (2010) menyatakan orientasi keusahawanan adalah keinginan untuk mencari dan mewujudkan peluang yang baharu melalui inovatif, proaktif dan pengambilan risiko. Lumpkin dan Dess (1996) dan Shuhymee dan Ghani (2013) pula mentakrifkan orientasi keusahawanan sebagai satu amalan pembuatan keputusan yang melibatkan proses inovatif, proaktif dan pengambilan risiko. Selain itu, orientasi keusahawanan juga merupakan strategi-strategi keusahawanan yang akan digunakan oleh pembuat keputusan dalam usaha untuk membentuk objektif organisasi, mengekalkan visi organisasi serta membangunkan kelebihan daya saing firma (Rauch et al. 2009).

Sejajar dengan pendapat Kljucnikov et al. (2019) yang menyatakan PKS perlu mewujudkan atribut orientasi keusahawanan dalam menjalankan perniagaan. PKS perlu sentiasa berinovasi, proaktif untuk mencapai tahap prestasi PKS yang tertinggi dan berdaya saing dalam pasaran samada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Manakala, Głodowska et al. (2019) pula berpendapat usahawan PKS perlu sentiasa mempunyai ciri-ciri orientasi keusahawanan seperti perlu sentiasa berinovasi dan proaktif untuk meningkatkan nilai firma. Selain itu, Mahmood dan Hanafi (2013) menyatakan orientasi keusahawanan merupakan sumber dan keupayaan yang boleh mewujudkan kelebihan daya saing kepada firma dan seterusnya menghasilkan peningkatan kepada prestasi. Runyan et al. (2006) pula menyatakan dalam konteks perniagaan kecil, orientasi keusahawanan merupakan satu kemahiran pengurusan yang dimiliki oleh PKS yang akan menjerus kepada penambahbaikan PKS itu sendiri.

Kajian-kajian telah menunjukkan orientasi keusahawanan merupakan komponen utama kepada kejayaan dan keuntungan firma. Kuhn, Sassmannshausen dan Zollin (2010) dan Rauch et al. (2009) mendapati orientasi keusahawanan yang wujud dalam firma berjaya akan terus mendorong firma tersebut untuk terus berjaya. Manakala Zulkifli dan Rosli (2013) menyatakan keusahawanan adalah satu fenomena global dan keusahawanan semakin dianggap sebagai satu aktiviti yang penting bagi firma-firma yang menjalankan perniagaan. Selain itu, orientasi keusahawanan didapati sebagai penentu kepada peningkatan prestasi firma, tidak kira pendekatan pengukuran mana yang digunakan (Kaunda 2013). Justeru, kesimpulan yang boleh dibuat, ciri-ciri orientasi keusahawanan yang dimiliki oleh firma seperti inovasi, proaktif dan berani mengambil risiko merupakan ciri-ciri yang perlu ada kerana ianya menjadi faktor yang sangat penting dalam meningkatkan prestasi firma.

Maka, faktor orientasi keusahawanan tidak boleh dipandang ringan oleh PKS, memandangkan kajian-kajian lepas menunjukkan ianya dapat membantu PKS untuk meningkatkan prestasi firma. Menurut Isichei et al. (2020), dalam kajian yang dilakukan kepada PKS di Nigeria, PKS perlu memiliki ciri-ciri orientasi keusahawanan dalam persekitaran perniagaan yang sangat mencabar bagi memastikan PKS lebih berdaya saing dan seterusnya meningkatkan prestasi perniagaan. Meekaewkunchorn et al. (2021) juga berpendapat orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai satu faktor utama dalam meningkatkan prestasi PKS di Thailand. Selain itu, kajian di Indonesia telah menunjukkan bahawa atribut orientasi keusahawanan mampu untuk meningkatkan prestasi PKS di Daerah Gresik, Jawa Timur (Iqbal et al. 2023). Tambahan pula, kajian yang dijalankan ke atas PKS dalam sektor pembuatan di Pakistan mendapati orientasi keusahawanan merupakan faktor yang memberi kesan dalam peningkatan prestasi PKS (Shah & Ahmad 2019). Dapatan ini selari dengan kajian oleh Lee et al. (2019) yang menyatakan ciri-ciri orientasi keusahawanan yang ada dalam firma PKS berjaya menjadikan PKS lebih berjaya. Manakala kajian di Indonesia menunjukkan atribut orientasi keusahawanan mewujudkan impak yang signifikan terhadap prestasi PKS (Pangeran 2016). dan Lim (2009) pula telah mendapati orientasi keusahawanan mampu meningkatkan prestasi sebuah restoran makanan Jepun di Korea. Dapatan ini selari dengan satu kajian di Sweden

yang mendapati orientasi keusahawanan mampu mempengaruhi prestasi firma (Wiklund & Shepherd 2005). Kajian lain di Singapura oleh Keh et al. (2007) serta Fairouz et al. (2010) di Sri Langka juga telah menunjukkan terdapat hubungan antara orientasi keusahawanan dan prestasi. Maka hipotesis ketiga kajian adalah:

H<sub>3</sub> Orientasi keusahawanan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan prestasi PKS.

Perbincangan kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan antara modal insan dan orientasi keusahawanan, dan wujud hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi PKS. Maka, syarat untuk meletakkan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara adalah sangat tepat memandangkan syarat-syarat sebagai pembolehubah perantara telah dipenuhi, maka hipotesis keempat kajian adalah:

H<sub>4</sub> Orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara antara modal insan dan prestasi PKS



RAJAH 1. Orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara antara modal insan dengan prestasi PKS.

#### METODOLOGI KAJIAN DAN KUTIPAN DATA

Kajian ini membahagikan PKS kepada empat wilayah di Semenanjung Malaysia iaitu Wilayah Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Kajian ini memfokuskan PKS di Wilayah Utara iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Pemilihan negeri ini adalah kerana ketiga-tiga negeri tersebut telah dimasukkan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kepentingan NCER ini adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang seimbang dan saksama di seluruh negara. Tambahan pula negeri-negeri ini telah menjadi salah satu pintu masuk dalam Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di Asia Tenggara untuk pelaburan dalam perniagaan dan pengembangan komersial untuk pelbagai industri (Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2020). PKS yang terlibat meliputi setiap sektor dan tertakluk dengan definisi yang telah diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada 11 Julai 2013.

Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada 1,213 PKS yang dipilih secara rawak. Responden terdiri daripada pengurus atau pemilik PKS. Hal ini kerana persepsi pengurus atau pemilik terhadap PKS adalah lebih tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian berbanding pihak-pihak lain dalam PKS tersebut. Sebanyak 207 set soal selidik telah diterima, namun begitu, hanya 200 sahaja yang boleh digunakan kerana maklumat yang diisi oleh responden tidak lengkap. Kadar maklumbalas yang diperolehi adalah 16.48% (200/1,213). Kadar ini dianggap rendah jika dibandingkan dengan kenyataan daripada Sekaran and Bougie (2010). Walau bagaimanapun jumlah tersebut masih boleh diterima untuk kajian ini memandangkan jumlah maklum balas yang diterima hampir sama dengan penyelidik-penyelidik terdahulu (rujuk pada Jadual 1).

JADUAL 1. Kadar maklumbalas kajian-kajian lepas

Bil.	Penyelidik	Tajuk	Kadar Maklumbalas
1.	Shuhymee 2010	Orientasi keusahawanan dan prestasi perniagaan perusahaan kecil dan sederhana: Pengaruh penyederhanaan gaya kepimpinan dan persekitaran luaran	Populasi PKS 7,187 buah. Sampel kajian 364 buah. 900 set soal selidik telah di pos. 152 set (16.9%) dikembalikan. Tetapi hanya 143 set sahaja boleh digunakan.
2.	Rosli 2014	Hubungan antara perancangan perniagaan, sumber pembiayaan dan persekitaran luaran dengan prestasi perniagaan: Kajian empirikal PKS di Malaysia	Populasi firma 5,208 buah. Sampel kajian 361 buah. Set soal selidik di pos 950. Dikembalikan sebanyak 188 (19.8%), tetapi yang boleh digunakan 177 set.
4.	Kohtamaki et al. (2012)	The role of personel commitment to strategic planning and organizational learning within the relationship between strategic planning and company performance (SMEs)	Populasi kajian sebanyak 1,289. Kadar maklumbalas adalah 12.5% iaitu sebanyak 174 soalselidik telah diterima.

Soal selidik dipecahkan kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A mengukur maklumat latar belakang peribadi usahawan. Latar belakang peribadi usahawan adalah berkenaan jantina, umur, pengalaman bekerja berkaitan perniagaan, pengalaman kerja, kelulusan akademik dan tempoh mengurus atau memiliki perniagaan. Manakala bahagian B pula mengukur berkenaan maklumat firma. Maklumat firma yang dikumpul adalah berkaitan lokasi PKS, status perundangan PKS, sektor yang diceburi PKS serta usia PKS.

Bahagian C pula mengukur berkaitan modal insan. Pembolehubah modal insan ini menggunakan pakai item-item soalan sebanyak sembilan belas (19) item dengan tiga (3) dimensi iaitu kompetensi, motivasi dan kreativiti. Pembolehubah modal insan ini menggunakan item soalan yang digunakan oleh Chen dan Chang (2013). Berdasarkan analisis faktor dengan *varimax rotated principle components* yang telah dijalankan ke atas pembolehubah ini, sebanyak dua (2) item soalan digugurkan kerana perbezaan pertindihan melebihi 0.3. Dengan itu, item yang akan digunakan untuk analisis selanjutnya sebanyak tujuh belas (17) item.

Bahagian D pula adalah pengukuran berkaitan orientasi keusahawanan. Pembolehubah orientasi keusahawanan ini menggunakan pakai empat belas (14) item soalan dengan tiga (3) dimensi iaitu inovasi, proaktif dan pengambilan risiko. Pembolehubah orientasi keusahawanan ini menggunakan item soalan yang digunakan oleh Hosseini dan Eskdanari (2013). Berdasarkan analisis faktor dengan *varimax rotated principle components* yang dijalankan ke atas pembolehubah ini, tiada item yang telah digugurkan kerana tiada perbezaan pertindihan melebihi 0.3. Maka, item orientasi keusahawanan yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 14 item.

Bahagian terakhir soal selidik adalah bahagian yang mengukur prestasi PKS. Pembolehubah prestasi PKS ini diukur dengan menggunakan sembilan (9) item yang terdiri daripada item kewangan yang mengukur prestasi secara subjektif. Analisis faktor dengan *varimax rotated principle components* telah dijalankan ke atas pembolehubah ini. Tiada item yang digugurkan. Pembolehubah prestasi dalam kajian ini menggunakan item soalan yang digunakan oleh Azizi (2009). Soal selidik kajian ini menggunakan skala *likert* dengan enam mata julat.

## DATA ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### ANALISIS PROFIL DEMOGRAFI PKS

Bahagian ini akan menghuraikan maklum balas yang diperoleh daripada responden berkaitan maklumat latar belakang usahawan. Jadual 2 adalah dapatan kajian yang diperoleh.

JADUAL 2: Analisis demografi PKS

Profil Demografi PKS Mengikut Negeri	Negeri	Kekerapan	Peratus
	Kedah	87	43.5
	Perlis	65	32.5
	Pulau Pinang	48	24
	Jumlah	200	100
Profil Demografi PKS Mengikut Status Perundangan	Jenis Perniagaan	Kekerapan	Peratus (%)
	Pemilikan tunggal	83	41.5
	Perkongsian	23	11.5
	Perkongsian liabiliti terhad	2	1.0
	Syarikat Sdn. Bhd.	92	46.0
	Jumlah	200	100
Profil Demografi PKS Mengikut Sektor	Sektor	Kekerapan	Peratus (%)
	Perkhidmatan	98	49
	Pembuatan	79	39.5
	Pertanian	6	3.0
	Perlombongan dan Kuari	10	5.0
	Pembinaan	7	3.5
	Jumlah	200	100
Profil Demografi PKS Mengikut Usia Perniagaan	Usia Perniagaan PKS	Kekerapan	Peratus (%)
	Kurang 5 tahun	31	15.5
	5-10 tahun	70	35.0
	11-15 tahun	62	31.0
	16-20 tahun	17	8.5
	21-25 tahun	11	5.5
	melebihi 25 tahun	9	4.5
	Jumlah	200	100

### ANALISIS PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian ini pula membincangkan berkaitan profil responden yang mewakili organisasi masing-masing. Responden yang mewakili PKS dalam kajian ini adalah pemilik ataupun pengurus PKS. Bahagian ini meringkaskan maklumat responden berkaitan dengan jantina, umur, pengalaman kerja berkaitan perniagaan, pengalaman perniagaan, kelulusan akademik dan tempoh mengurus/memiliki perniagaan dan bangsa. Jadual 3 adalah` dapatan kajian berkaitan analisis profil demografi.

JADUAL 3. Analisis profil demografi pengurus/pemilik

Profil Jantina Responden	Jantina	Kekerapan	Peratus
	Lelaki	115	57.5
	Perempuan	85	42.5
	Jumlah	200	100
Profil Umur Responden	Umur	kekerapan	peratus
	bawah 25	13	6.5
	26-30	15	7.5
	31-35	31	15.5
	36-40	30	15.0
	41-45	56	28.0
	46-50	38	19.0
	melebihi 50	17	8.5
	Jumlah	200	100
Profil Pengalaman Kerja Berkaitan Perniagaan	Pengalaman Kerja Berkaitan Perniagaan	Kekerapan	Peratus (%)
	Ya	135	67.5
	Tidak	65	32.5
	Jumlah	200	100
Profil Pengalaman Perniagaan	Pengalaman Perniagaan	Kekerapan	Peratus (%)
	Ya	116	58.0
	Tidak	84	42.0
	Jumlah	200	100
Profil Kelulusan Akademik	Kelulusan	Kekerapan	Peratus (%)
	Sekolah Rendah	16	8.0
	Sekolah Menengah	90	45.0
	Diploma	37	18.5
	Ijazah Sarjana Muda	47	23.5
	Ijazah sarjana	5	2.5
	Doktor Falsafah	3	1.5
	Lain-Lain	2	1.0
	Jumlah	200	100
Profil Tempoh Mengurus/Memiliki Perniagaan	Tempoh Mengurus/Memiliki Perniagaan	Kekerapan	Peratus (%)
	Kurang 5 tahun	40	20.0
	5-10 tahun	83	41.5
	11-15 tahun	52	26.0
	16-20 tahun	16	8.0
	21-25 tahun	5	2.5
	melebihi 25 tahun	4	2.0
	Jumlah	200	100

### ANALISIS UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Ujian kebolehpercayaan perlulah dijalankan bagi melihat tahap kebolehpercayaan bagi item, dimensi dan juga pembolehubah. Tahap kebolehpercayaan ini adalah merujuk kepada nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi daripada analisis yang dijalankan. Hair et al. (2006) telah memperincikan darjah kebolehpercayaan menerusi petunjuk *Cronbach Alpha* iaitu 0.6 dan ke atas adalah biasa, lebih 0.7 adalah lebih daripada biasa, lebih daripada 0.8 adalah membanggakan dan 0.9 adalah sangat baik. Bagi kajian berkaitan dengan sains sosial pula, Sekaran (2003) telah menyatakan nilai 0.6 merupakan nilai yang selalu diguna pakai untuk nilai *Cronbach Alpha*. Dapatan kajian mendapati setiap pembolehubah kajian modal insan, orientasi keusahawanan dan prestasi PKS mempunyai nilai alpha melebihi 0.6 iaitu melebihi paras minima yang dicadangkan.



JADUAL 4. Nilai *Cronbach's Alpha* pembolehubah kajian

Pembolehubah	Bilangan Item	<i>Cronbach's Alpha</i>
Modal Insan	17	0.935
Orientasi Keusahawanan	14	0.924
Prestasi	9	0.930

#### ANALISIS REGRESI

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkenaan kesan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah perantara dalam hubungan antara modal insan ke atas prestasi PKS. Oleh itu, kaedah untuk menguji peranan pembolehubah perantara tersebut ialah dengan menggunakan kaedah *causal step*. Menurut Hair et al. (2006) dan Baron dan Kenny (1986), ujian tersebut meliputi 3 langkah seperti berikut iaitu:

- Model 1: Pembolehubah bebas (modal insan) harus mempengaruhi pembolehubah bersandar (prestasi PKS).
- Model 2: Pembolehubah bebas (modal insan) harus mempengaruhi pembolehubah perantara (orientasi keusahawanan).
- Model 3: Pembolehubah perantara (orientasi keusahawanan) harus mempengaruhi pembolehubah bersandar (prestasi PKS). Pengantaraan sempurna berlaku jika pembolehubah bebas (modal insan) berpengaruh secara tidak signifikan dengan pembolehubah bersandar (prestasi PKS) ketika pembolehubah perantara (orientasi keusahawanan) dimasukkan dalam langkah ini. Jika pembolehubah bebas (modal insan) berpengaruh secara signifikan ketika pembolehubah perantara dimasukkan, maka pengantaraan separa berlaku. Selain itu, pengaruh pembolehubah bebas (modal insan) terhadap pembolehubah bersandar (prestasi PKS) harus berkurang dalam persamaan di Model 3 berbanding persamaan di Model 1.

Oleh itu, tiga konstruk telah dimasukkan dalam analisis ini iaitu modal insan, orientasi keusahawanan dan prestasi PKS. Tiga langkah akan dijalankan untuk melihat adakah orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai perantara antara modal insan dan prestasi PKS.

#### MODEL 1: PENGARUH MODAL INSAN DAN PRESTASI PKS

Dalam Model 1, hasil kajian mendapati bahawa modal insan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan prestasi PKS. Hal ini diwakili oleh pekali korelasi  $\beta = 0.294$ , nilai  $t = 4.324$ ,  $p < 0.05$ . Oleh itu, hipotesis pertama di terima seperti ditunjukkan dalam Jadual 5. Dalam kajian ini, modal insan mewakili sumber yang diketengahkan dalam teori RBV yang menunjukkan firma yang mempunyai pengurus yang berpengetahuan dan berkemahiran dapat memberi impak yang positif kepada prestasi perniagaan.

JADUAL 5. Hasil Analisis Regresi -Model 1

Model 1	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig
	B	Std. error	beta		
(Constant)	2.822	0.332		8.494	.000
Modal Insan	0.319	0.074	0.294	4.324	.000

*Pembolehubah bebas: Prestasi*

#### MODEL 2: PENGARUH MODAL INSAN DAN ORIENTASI KEUSAHAWANAN

Manakala dalam Model 2, hasil kajian mendapati bahawa modal insan turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi keusahawanan. Hal ini dapat ditunjukkan dengan nilai pekali korelasi,  $\beta = 0.745$ , nilai  $t = 15.725$ ,  $p < 0.05$ . Oleh itu, hipotesis kedua juga diterima seperti ditunjukkan dalam Jadual 5. Kajian ini menunjukkan pengurus yang mempunyai ciri-ciri modal insan mampu untuk berinovasi, berani mengambil risiko serta kreatif yang akan dapat menyumbang dari segi tahap daya ketahanan perniagaan untuk menghadapi cabaran ekonomi semasa serta berjaya menghadapi persaingan di peringkat global.

JADUAL 6: Hasil Analisis Regresi -Model 2

Model 2	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig
	B	Std. error	beta		
(Constant)	0.464	0.247		1.879	.062
Modal Insan	0.862	0.055	0.745	15.725	.000

*Pembolehubah bebas: Orientasi Keusahawanan*

MODEL 3: ORIENTASI KEUSAHAWANAN SEBAGAI PEMBOLEHUBAH PERANTARA ANTARA MODAL  
INSAN DAN PRESTASI PKS

Hasil kajian dalam Model 3 adalah untuk mengukur adakah orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai pembolehubah perantara dalam hubungan antara modal insan dan prestasi PKS. Dalam langkah ini orientasi keusahawanan dimasukkan sebagai pembolehubah kawalan yang mana ia menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi PKS,  $\beta = 0.250$ ,  $p < 0.05$  seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Maka, hipotesis ketiga juga di terima. Selain itu, dalam Model 3 ini, modal insan pula telah didapati mempunyai pengaruh yang tidak signifikan dengan prestasi PKS,  $p > 0.05$  dan  $\beta = 0.107$ . Analisis juga menunjukkan koefisien determinasi telah berkurangan daripada  $\beta = 0.294$  di Model 1 berbanding  $\beta = 0.107$  di Model 3. Maka, keadaan yang berlaku ini menunjukkan bahawa orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai pembolehubah perantara sepertimana syarat-syarat perantara yang dinyatakan oleh Baron dan Kenny (1986). Bentuk perantara adalah dalam bentuk pengantaraan sempurna. Oleh itu, hipotesis keempat diterima.

JADUAL 7. Hasil analisis regresi -Model 3

Model 3	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig
	B	Std. error	beta		
(Constant)	2.713	0.331		8.200	.000
Modal Insan	0.117	0.109	0.107	1.067	.287
Orientasi Keusahawanan	0.235	0.094	0.250	2.488	.014

*Pembolehubah bebas: Prestasi*

PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan modal insan mempunyai hubungan positif dengan prestasi PKS. Ini bermaksud setiap peningkatan dalam modal insan akan menyebabkan pertambahan dalam prestasi PKS. Hasil dapatan konsisten dengan penemuan dari kajian-kajian sebelum ini yang menunjukkan modal insan mempunyai hubungan dengan prestasi PKS (Mubarik 2015; Al-Sharafat 2017; Widarni 2015; Fatoki 2011; Enock 2012; Jin et al. 2010; Oforegbunam & Okorafor 2010; Soriano & Castrogiovanni 2012; Segal et al. 2010; Ganewatta & Rathnayake 2009; Hilmi et al. 2010 dan Chen & Chang 2013).

Sepertimana yang dinyatakan oleh Chen & Chang (2013), dimensi modal insan iaitu kompetensi, motivasi dan kreativiti tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam kajian-kajian lepas untuk melihat hubungannya dengan prestasi PKS. Kajian yang dijalankan oleh kedua-dua sarjana ini hanya menumpukan populasi kepada PKS baharu yang berasaskan teknologi sahaja. Oleh itu kajian ini berpendapat sangat wajar untuk menjalankan satu kajian lain bagi mengesahkan hubungan antara modal insan dengan prestasi PKS tanpa mengkhususkan sektor-sektor PKS dengan mengambilkira ketiga-tiga dimensi ini dalam mewakili modal insan. Dengan itu, dapatan kajian ini telah menunjukkan secara empirikal bahawa ketiga-tiga dimensi yang digunakan untuk mewakili modal insan dapat meningkatkan prestasi PKS, Ketiga-tiga dimensi yang digunakan ini juga telah dibuktikan boleh diaplikasikan kepada semua sektor dalam PKS memandangkan kajian lepas yang menggunakan ketiga-tiga dimensi ini hanya menumpukan PKS baharu yang berasaskan teknologi sahaja. Dimensi-dimensi yang digunakan untuk mengukur modal insan ini boleh disimpulkan merupakan satu alat pengukuran modal insan yang sangat komprehensif setanding dengan dimensi-dimensi pengukuran yang biasa digunakan seperti pengalaman kerja, pendidikan dan kemahiran.

Seterusnya, hasil ujian analisis regresi berhieraki yang dijalankan dalam kajian ini juga telah menunjukkan wujud peranan dan pengaruh orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah mediator terhadap hubungan antara modal insan dengan prestasi PKS. Hal ini bermakna hubungan antara modal insan dan prestasi PKS ini menjadi lebih kukuh dengan meletakkan orientasi keusahawanan sebagai mediator. Kajian ini juga selaras dengan satu kajian di Iran yang mendapati bahawa orientasi keusahawanan memberikan kesan pengantaraan terhadap hubungan antara modal insan dan prestasi firma (Alipour et al. 2012). Selain itu, penemuan kajian ini sejajar dengan satu kajian di Pakistan yang menunjukkan bahawa hubungan antara modal insan dan prestasi memerlukan satu pembolehubah mediator (Awan & Sarfraz 2013). Melalui kajian ini, penyelidik boleh merumuskan bahawa pengurus atau pemilik PKS yang mempunyai ciri-ciri inovasi, proaktif dan berperanan sebagai pengambil risiko akan cenderung memiliki ciri-ciri kompetensi, motivasi dan kreativiti. Pengurus mahu pun pemilik PKS yang memiliki tahap orientasi keusahawanan yang tinggi akan lebih cenderung mempunyai tahap modal insan yang tinggi dan seterusnya memberi manfaat kepada prestasi PKS. Di Malaysia, Mohammad et al. (2013) menyatakan untuk mengukuhkan komponen-komponen modal insan seperti kompetensi, sebuah firma perlu mempertingkatkan kemahiran-kemahiran keusahawanan seperti inovasi, proaktif dan pengambilan risiko. Tambahan lagi, Huang et al. (2010) yang menyatakan ciri-ciri keusahawanan inovatif, proaktif dan pengambilan risiko yang ada akan meningkatkan ciri-ciri modal insan seorang usahawan.

## KESIMPULAN

Kajian ini secara empirikalnya bertujuan untuk mengenalpasti apakah pengaruh pembolehubah orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah mediator terhadap hubungan antara modal insan dan prestasi PKS. Kajian ini bertitik tolak daripada melihat keadaan prestasi PKS yang belum berada pada tahap yang memuaskan. Penemuan kajian ini telah menunjukkan orientasi keusahawanan merupakan peramal yang signifikan terhadap prestasi PKS. Kesan mediator yang berlaku ini adalah berbentuk pengantaraan sempurna (full mediator). Pengurus mahupun pemilik PKS yang memiliki tahap orientasi keusahawanan yang tinggi akan lebih cenderung mempunyai tahap modal insan yang tinggi dan seterusnya memberi manfaat kepada prestasi PKS. Dari segi teori, kajian ini telah membuktikan bahawa orientasi keusahawanan mampu bertindak sebagai pembolehubah mediator terhadap hubungan antara modal insan dengan prestasi PKS.

Sementara itu, implikasi praktikal boleh dilihat dari perspektif modal insan. Modal insan merupakan sumber yang sangat penting dalam meningkat prestasi PKS, namun modal insan perlu dilengkapi dengan elemen-elemen orientasi kewangan seperti inovatif, proaktif dan pengambilan risiko yang seterusnya memupuk sifat kompetensi, motivasi dan kreatif dalam kalangan usahawan. Justeru itu, usahawan dan pekerja PKS perlu diberikan bimbingan yang sewajarnya bagi memastikan mereka sentiasa berinovatif, kreatif dan proaktif dalam menghadapi persaingan perniagaan. Pekerja dan usahawan PKS juga perlu dibimbing untuk memperoleh keberanian mengambil risiko dan mampu mengawal emosi dari segenap sudut cabaran ekonomi semasa yang dihadapi. Oleh yang demikian, kerjasama dari agensi awam mahupun swasta diperlukan untuk diberi perhatian yang secukupnya dari masa ke semasa sama ada secara formal dan tidak formal.

Kekangan kedua adalah populasi kajian hanya melibatkan firma-firma PKS di kawasan Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Penyelidik hanya mengambil tiga (3) buah negeri ini disebabkan oleh kekangan masa, kewangan, pengetahuan, pengalaman dan keupayaan. Bagi kajian akan datang, kajian ini boleh meluaskan sample kajian kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Selain itu, kajian akan datang boleh menggunakan sumber luaran seperti sokongan kerajaan, penasihat luar dan banyak lagi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar atau mediator dalam satu kajian yang sama.

## RUJUKAN

- Ahmad, S. & Ghani, A. A. 2013. Orientasi keusahawanan dan prestasi perniagaan: pengaruh penyederhana gaya kepimpinan transformasi. *Jurnal Pengurusan* 37: 115-123.
- Alexdanru, J. & Maria, T. 2012. Dimensions of human capital-specific health approach of nations capital. *Annals of Faculty of Economics* 1(1): 312-317.
- Al-Sharafat, A. 2017. The impact of human capital development on the financial performance of agricultural enterprises: Application on broiler industry. *International Journal of Business and Social Science* 8(3): 179-186.
- Ayob, N.A., Daud, S. & Ismail, M.T. 2016. Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: Kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka Geografia Online. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(5): 115-129
- Azizi, H. H. 2009. *Pengaruh kompetensi keusahawanan, struktur organisasi dan persekitaran luar terhadap prestasi perusahaan kecil dan sederhana*. Unpublished PhD. Diss. Universiti Utara Malaysia.
- Bal, E. & Kunday, A. O. 2014. Investigating the role of entrepreneurial traits dan human capital on the internationalization degree of Small dan Medium Enterprises in Turkey. *International Journal of Business dan Social Science* 5(8): 193-201.
- Barney, J. 1991. Firm resources dan sustained competitive advantage. *Jurnal Pengurusan* 17(1): 99-120.
- Baron, R. M. & Kenny, D.A. 1986. The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, dan statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology* 51(6).
- Chen, M.H. & Chang, Y.Y. 2013. The impacts of human capital in enhancing new venture's performance: Competence, motivation dan creativity. *Journal of Knowledgebased Innovation in China* 5(2): 146-168.
- Conley, D.M. 2012. Cultural dimensions of human capital development. *International dan Agribusiness Management Review* 15(1): 44-68.
- Davis, J.L. Bell, R. G. Payne, G.T. & Kreiser, P.M. 2010. Entrepreneurial orientation dan firm performance: The moderating role of managerial power. *American Journal of Business* 25(2): 41-54.
- Efrat, K., Hughes, P., Nemkova, E., Souchon, A.L., Sy-Changco, J. 2018. Leveraging of dynamic export capabilities for competitive advantage and performance consequences: Evidence from China. *Journal of Business Research* 84: 114-124.
- Fairoz, F.M. Hirobumi, T. & Tanaka, Y. 2010. Entrepreneurial orientation dan business performance of small dan medium scale enterprises of Hambantota District Sri Lanka. *Asian Social Science* 6(3): 34-46.

- Fakhrul Anwar, Z. & Selvamalar, A. 2011. Entrepreneurial orientation dan firm performance: The role of personality traits in Malay family firms in Malaysia. *International Journal of Business dan Social Science* 2(1): 59-71.
- Fatoki, O. 2014. The Financial literacy of micro entrepreneurs in South Africa. *Journal of Social Science* 40(2): 151-158.
- Fatoki, O.O. 2011. The impact of human, social and financial capital on the performance of small and medium-sized enterprises (SMEs) in South Africa. *Journal of Social Sciences* 29(3): 193-204.
- Fayoumi, A.M. 2010. *The Impact of Intangible Assets in Achieving Competitive Advantage in Light of the Adoption of Total Quality Management Standards: A Comparative Study on a Sample of Jordan's Public and Private Universities*. Unpublished Master Diss., Middle East University, Oman, Jordan.
- F-Jardon, C.M. & Susana, M. 2009. Intellectual capital and performance in wood industries of Argentina. *Journal of Intellectual Capital* 10(4): 600-616.
- Ganewatta, G.K.H. & Rathnayake, R.M. 2011. *Factors of human capital towards business performance of women-owned small enterprises: A Study in Matara District, Sri Lanka*. Available at <http://repository.kln.ac.lk/handle/123456789/4556>
- Głodowska, A., Maciejewski, M. & Wach, K. 2019. How entrepreneurial orientation stimulates different types of knowledge in the internationalization process of firms from Poland? *Entrepreneurial Business dan Economics Review* 7(1): 61-73.
- Goldin, C. 2014. *Human Capital in History: The American Record. A Pollution Theory of Discrimination: Male and Female Differences in Occupations and Earnings in Human Capital in History: The American Record*, 313-348. University of Chicago Press.
- Green, K.M., Covin, J.G. & Slevin, D.P. 2008. Exploring the relationship between strategic reactivity and entrepreneurial orientation: The role of structure-style fit. *Journal of Business Venturing* 23(3): 356-383.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B. J., Danerson, R.E. & Tatham, R. L. 2006. *Multivariate Data Analysis. 6th Edition*.
- Han, T.S., Lin, C.Y.Y. & Chen, M.Y.C. 2008. Developing human capital indicators: A three-way approach. *International Journal of Learning dan Intellectual Capital* 5(3-4): 387-403.
- Hilmi, M.F., Ramayah, T., Hassan, S.H. & Mustapha, Y. 2010. Exploring human capital of Malaysian SMEs. In *Industrial Electronics & Applications (ISIEA). Symposium on Industrial Electronics and Applications (ISIEA)*. 3-5 October, Penang, Malaysia.
- Hitt, M.A., Bierman, L., Shimizu, K. & Kochhar, R. 2001. Direct and moderating effects of human capital on strategy and performance in professional service firms: A resource based perspective. *Academy of Management Journal* 44: 13-28.
- Hosseini, M. & Eskdanari, F. 2013. Investigating entrepreneurial orientation dan firm performance in the Iranian agricultural context. *Journal of Agricultural Science dan Technology* 15(2): 203-213.
- In, F. & Doucouliagos, C. 1997. Human capital formation and US economic growth: A causality analysis. *Applied Economics Letters* 4(5): 329-331.
- Isichei, E.E., Agbae, K.E. & Odiba, M.O. 2020. Entrepreneurial orientation dan performance in SMEs. *International Journal of Emerging Markets* 15(6): 1219- 1241.
- Iqbal, M., Mawardi, M.K., Sanawiri, B., Alfisyahr, R. & Syarifah, I. 2023. Strategic orientation and its role in linking human capital with the performance of Small and Medium Enterprises in Indonesia. *Journal of Research in Marketing and Entrepreneurship* 25(3): 514-542.
- Ismail, M.D., Domil, A.K.A. & Isa, A.M. 2014. Managerial competence, relationship quality dan competitive advantage among SME exporters. *Procedia - Social dan Behavioral Sciences* 115: 138-146.
- Jin, Z., Huixin, Y. & Ruizhan, L. 2010. Empirical research on private entrepreneur human capital in China dan enterprises' growth performance: A comparative analysis between high-tech enterprises dan traditional enterprises. *Journal of Chinese Entrepreneurship* 2(2): 175-195.
- Kamyabi, Y. & Dewi 2011. Accounting outsourcing and firm performance in Iranian SMEs. *International Journal of Economics and Finance* 3(4).
- Kaunda, C.M. 2013. *Entrepreneurial orientation, age of owner and small business performance in Johannesburg*. Unpublished Phd Diss., University of the Witwatersrand, Johannesburg, South Africa.
- Keh, H.T., Nguyen, T.T.M. & Ng, H.P. 2007. The effects of entrepreneurial orientation dan marketing information on the performance of SMEs. *Journal of Business Venturing* 22(4): 592-611.
- Khotimah, K. 2017. Pandangan berbasis sumber daya (RBV) dalam pembahasan organisasi ekonomi. *Jurnal Manajemen dan Akuntansi* 5(1): 31-41.
- Kljucnikov, A., Civelek, M., Cech, P. & Kloudova, J. 2019. Entrepreneurial orientation of SMEs? executives in the comparative perspective for Czechia dan Turkey. *Oeconomia Copernicana* 10(4): 773-795.
- Kohtamaki, M., Kraus, S., Makela, M. & Ronkko, M. 2012. The role of personnel commitment to strategy implementation and organisational learning within the relationship between strategic planning and company performance. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research* 18(2): 159-178.

- Kuhn, B., Sassmannshausen, S.P & Zollin, R. 2010. Entrepreneurial management as a strategic choice in firm behavior: Linking it with performance. Paper presented at *High Technology Small Firms Conference (HTSF)*, The Netherlands.
- Lee, H., Zhussupova, B., Khalid, N. & Ahmed, U. 2019. Impact of innovation capability and competitiveness on entrepreneurial orientation regarding to the entrepreneurial education in business performance among South Korean firms. *Polish Journal of Management Studies* 20(2): 358–367.
- Lee, S.M. & Lim, S. 2009. Entrepreneurial orientation dan the performance of service business. *Service Business* 3(1): 1-13.
- Lengnick-Hall, C. A. 1992. Innovation and competitive advantage: What we know and what we need to learn. *Journal of Management* 18(2): 399-429.
- Likert, R. 1958. Measuring organizational performance. *Harvard Business Review* 36(2): 41-50.
- Lumpkin, G.T. & Dess, G.G. 1996. Clarifying the entrepreneurial orientation construct dan linking it to performance. *Academy of Management Review* 21(1): 135-172.
- Lumpkin, G.T. & Dess, G. 2001. Linking two dimensions of entrepreneurial orientation to firm performance: The moderating role of environment and industry life cycle. *Journal of Business Venturing* 16(5): 429–451.
- Lusthaus, C. & Adrien, M.H. 1998. Organizational assessment: A review of experience. *Universalia Occasional Paper* 31(10):1-16.
- Mahmood, R. & Hanafi, N. 2013. Entrepreneurial orientation dan business performance of women-owned small dan medium enterprises in Malaysia: Competitive advantage as a mediator. *International Journal of Business dan Social Science* 4(1): 82-90.
- Mahmudova, L. & Kovacs, J. K. 2018. Definitizing the performance of small and medium enterprises. *Journal of Network Intelligence Studies* 6(12): 111-120.
- Margaret, M. 2008. *The Role of Human Capital and Entrepreneurial Orientation on Radical Product Innovations in Small Scale Carpentry Workshops in Nairobi*. Kenyatta University, Kenyatta.
- Meekaewkunchorn, N., Szczepańska-Woszczyna, K., Muangmee, C., Kassakorn, N. & Khalid, B. 2021. Entrepreneurial orientation dan SME performance: The mediating role of learning orientation. *Economics & Sociology* 14(2): 294-312.
- Mohammad, N.A.B., Ansari, M., Ologbo, A. C. & Rezaei, G. 2013. Investigating the effect of intellectual capital on organizational performance dan mediating role of entrepreneurial orientation. *International Review of Business Research Papers* 9(3): 99-113.
- Mthanti, T. & Ojah, K. 2018. Institutions, human capital dan entrepreneurial orientation: Implications for growth policy. *Journal of Entrepreneurship dan Public Policy* 7(2): 135-160.
- Mubarik, M.S. 2015. *Human capital and performance of small & medium manufacturing enterprises: A study of Pakistan*. Unpublished PhD. Diss., University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muda, S. & Rahman, M.R.C.A. 2015. SMEs performance: Does intellectual capital matter? *International Journal of Administration dan Governance* 1(3): 5-10.
- Neneh, N. B. & Van Zyl, J. H. 2012. Achieving optimal business performance through business practices: Evidence from SMEs in selected areas in South Africa. *Southern African Business Review* 16(3): 118-144.
- Ngah, R. 2009. Relationship of intellectual capital, innovation dan organizational performance: A preliminary study in Malaysian SMEs. *International Journal of Management Innovation Systems* 1(1): 1-13.
- Nimalathan, B. 2012. Assessing Small and Medium Enterprises' (SMEs) performance through financial and non-financial indicators in Sri Lanka. *Journal of Management* 4(1):1-14.
- Oforegbunam, E.T. & Okorafor, G.T. 2010. Effects of human capital development on the performance of small & medium scaled enterprises in the South Eastern Region of Nigeria. *Journal of Sustainable Development in Africa* 12(8): 49-58.
- Pangeran, P. 2016. Entrepreneurial capability dan new product development performance in Micro dan Small Enterprises: The moderating role of financial literacy. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(1).
- Peteraf, M.A. & Bergen, M.E. 2003. Scanning dynamic competitive landscapes: a market based dan resource-based framework. *Strategic Management Journal* 24(10): 1027-1041.
- Peterson, W., Gijsbers, G., Wilks, M. & Markham, R. 2003. *An Organizational Performance Assessment System for Agricultural Research Organizations: Concepts, Methods, And Procedures*. 7th edition. The Hague: International Service for National Agricultural Research.
- Priem, R.L. & Butler, J.E. 2001. Is the Resource Based View a useful perspective for strategic management research? *Academy of Management Review* 26(1): 22-40.
- Qamariah, I. & Muchtar, Y.C. 2019. Analyzing business performance of small dan medium enterprises (SMEs) based on human capital, social capital dan competitive advantage. *Eco Forum Journal* 8(2).
- Rafiki, A., Al Khalifa, K.M. & Buchari, I. 2014. Islamic human capital dan firm performance: An evidence of Small dan Medium Enterprises in Bahrain. *International Journal of Business dan Management* 9(4): 173-181.

- Ramli, A., Yusuff, R.Z. & Mohtar, S. 2015. Kesan integrasi strategi sebagai mediator dalam hubungan antara modal insan dengan prestasi operasi gudang pengilang di Malaysia. *Sains Humanika* 7(1): 61-67.
- Rauch, A., Wiklund, J., Lumpkin, G.T. & Frese, M. 2009. Entrepreneurial orientation dan business performance: An assessment of past research dan suggestions for the future. *Entrepreneurship Theory and Practice* 33(3): 761-787.
- Rauch, A. & Frese, M. 2000. Psychological approaches to entrepreneurial success: A general model and an overview of findings. In *International Review of Industrial and Organizational Psychology*, disunting oleh Cooper, C.L. & Robertson, IT, 101-142. Chichester, Wiley.
- Rosli, M. & Norshafizah, H. 2013. Entrepreneurial orientation dan business performance of women-owned small dan medium enterprises in Malaysia: Competitive advantage as a mediator. *International Journal of Business dan Social Science*, 4 (1): 82–90.
- Runyan, R., Huddleston, P. & Swinney, J. 2006. Entrepreneurial orientation dan social capital as small firm strategies: a study of gender differences from a Resource-Based View. *Entrepreneurship Management* 2: 455-477.
- Segal, G., Borgia, D. & Schoenfeld, J. 2010. Founder human capital dan small firm performance: An empirical study of founder-managed natural food stores. *Journal of Management dan Marketing Research* 4(1): 1-10.
- Sehhat, S. & Fooman, F.G. 2014. The impact of entrepreneurs' knowledge dimensions on sme performance: A study of SMEs in Iran. *Management and Administrative Sciences Review* 3(3): 389-401.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business*. United States America: John Wiley & Sons.
- Shah, S.Z.A. & Ahmad, M. 2019. Entrepreneurial orientation dan performance of small dan medium-sized enterprises. *Competitiveness Review: An International Business Journal* 29(5): 551-572.
- Shuhymee, A. & Ghani, A. A. 2013. Orientasi keusahawanan dan prestasi perniagaan: Pengaruh penyederhana gaya kepimpinan transformasi. *Jurnal Pengurusan* 37: 115-123.
- Sidek, S., Mohamad, M.R. & Wan, W.M.N. 2019. Entrepreneurial orientation dan SME performance: The serial mediating effects of access to finance dan competitive advantage. *International Journal of Academic Research in Business dan Social Sciences* 9(9): 81-100.
- Singh, R. & Nayak, J.K. 2016. The Effects of stress dan human capital perspective on compulsive buying: A life course study in India. *Global Business Review* 17(6): 1454– 1468.
- SMECorp. 2019a. BAB 1: Gambaran Keseluruhan Prestasi PKS Global. Diakses dari [https://smecorp.gov.my/images/pdf/2021/LTPKS/BM/Laporan Ekonomi/1. Prestasi & Prospek Ekonomi 2019\\_20 - Bab 1.pdf](https://smecorp.gov.my/images/pdf/2021/LTPKS/BM/Laporan%20Ekonomi/1.Prestasi%20&%20Prospek%20Ekonomi%202019_20%20-%20Bab%201.pdf).
- SMECorp. 2019b. Hasil Kaji Selidik PKS 2019. Diakses dari [https:// smecorp.gov. my/images/ pdf/ 2021/LTPKS/BM/Laporan Ekonomi/4. Prestasi & Prospek Ekonomi 2019\\_20 - Artikel Khas.pdf](https://smecorp.gov.my/images/pdf/2021/LTPKS/BM/Laporan%20Ekonomi/4.Prestasi%20&%20Prospek%20Ekonomi%202019_20%20-%20Artikel%20Khas.pdf).
- Soriano, D.R. & Castrogiovanni, G. J. 2012. The impact of education, experience dan inner circle advisors on SME performance: insights from a study of public development centres. *Small Business Economics* 38(3): 333-349.
- Suroso, A. & Anggraeni, A. I. 2017. Optimizing SMEs' business performance through human capital management. *European Research Studies Journal* 20(4B): 588-599.
- Tajpour, M. & Hosseini, E. 2019. The effect of human dan social capital on entrepreneurial activities: A case study of Iran dan implications. *Entrepreneurship dan Sustainability Issues* 6(3): 1393-1403.
- The Star. 2021. Stenghening SMEs-backbone of the economy. The Star, 1–7. Available at [https://www.The star.com.my/business/business-news/2021/12/13](https://www.Thestar.com.my/business/business-news/2021/12/13).
- Unger, J.M., Rauch, A., Frese, M. & Rosenbusch, N. 2011. Human capital dan entrepreneurial success: A metaanalytical review. *Journal of Business Venturing* 26(3): 341–358.
- Vidotto, J.D.F., Ferenhof, H.A., Selig, P.M. & Bastos, R.C. 2017. A human capital measurement scale. *Journal of Intellectual Capital* 18(2): 316–329.
- Vij, S. & Bedi, H. S. 2012. Relationship between entrepreneurial orientation dan business performance: A review of literature. *The IUP Journal of Business Strategy* 9(3): 17-31.
- Wernerfeldt, B. 1984. A Resource-Based View of the firm. *Strategic Management Journal* 5(2): 171-180.
- Widarni, E.L. 2015. The influence of human capital elements on performance: Evidence from West Java SMEs. *Journal of Economics dan Sustainable Development* 6(4): 196-201.
- Wiklund, J. & Shepherd, D. 2003. Knowledge-based resources, entrepreneurial orientation, dan the performance of small dan medium sized businesses. *Strategic Management Journal* 24(13):1307-1314.
- Wilayah Ekonomi Koridor Utara. 2020. Projek Strategi dan Berimpak Tinggi Berjaya Bawa Pelaburan Bernilai RM3.06 Bilion ke Kedah. Diakses dari <https://www.ncer.com.my/wp-content/uploads/2020/07/PR-Kedah-Investment-Update-BM-FINAL.pdf>.
- Yucesoy, B. & Barabási, A.L. 2016. Untangling performance from success. *EPJ Data Science* 5(17): 1-10.
- Zulkifli, R.M. & Rosli, M.M. 2013. Entrepreneurial orientation dan business success of Malay entrepreneurs: Religiosity as moderator. *International Journal of Humanities dan Social Science* 3(10): 264-275.

Sajiah Yakob (penulis koresponden)  
Jabatan Perakaunan  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: sajjah@unishams.edu.my

Muhamad Baqir Abdullah  
Jabatan Perniagaan  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: muhammad.baqir@unishams.edu.my

Farahiza Zaihan Azizan  
Jabatan Perkomputeran  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: farahiza@unishams.edu.my

Roslida Zalila Ahmad Rusli  
Jabatan Perakaunan  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: roslida@unishams.edu.my

Khairunisak Ahmad Shakir  
Jabatan Perakaunan  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: knisak@unishams.edu.my

Suraiya Shafiee@Ismail  
Jabatan Perakaunan  
Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: suraiya@unishams.edu.my

Azahari Ramli  
Sekolah Perniagaan  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA.  
E-Mel: arie@uum.edu.my